



ANGGOTA Dewan Undangan Penanti, Abdul Jalil Abdul Majid (kanan) melihat pelan pakej dua projek di Kampung Terus, Seberai Perai, Pulau Pinang.

# 500,000 penduduk perolehi manfaat

Redmax dan Kumpulan Perhubungan JV ialah kontraktor pemaju keseluruhan projek berharga kira-kira RM280 juta itu yang dilaksanakan menerusi kaedah reka dan bina, manakala Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri bertindak sebagai pemantau perkembangan projek itu.

HAMPIR setengah juta penduduk di Seberang Perai, Pulau Pinang akan mendapat manfaat apabila projek tebatan banjir Sungai Perai yang melibatkan enam batang sungai sepanjang 36 kilometer dengan keluasan 505 kilometer persegi, siap sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Projek yang menampung keperluan 25 tahun akan datang itu dimulakan sejak tahun 2001. Ia dibahagikan kepada dua pakej iaitu Pakej 1 meliputi Sungai

Maklom dan Sungai Pertama dan Pakej 2 meliputi Sungai Perai, Sungai Kereh, Sungai Jarak dan Sungai Kulim.

Anggota Dewan Undangan Penanti, Datuk Abdul Jalil Abdul Majid berkata, pelaksanaan projek tebatan banjir di Sungai Perai berjaya mengawal banjir di kawasan Seberang Perai Tengah (SPT) terutama selepas Pakej 2 siap melebihi 20 peratus, tiga bulan lalu.

"Sebelum ini, sekiranya hujan lebat dua hingga tiga hari, antara 150 hingga 200 rumah di sekitar kawasan Penanti akan dinaiki air akibat limpahan Sungai Pertama, tetapi sejak tiga bulan lalu selepas hampir 28 peratus projek

ini siap, tiada penduduk yang perlu dipindahkan selepas hujan lebat," katanya.

Banjir besar pada Oktober 2003 mengakibatkan penduduk di Seberang Perai khususnya petani kerugian apabila kawasan tanaman padi seluas kira-kira 14,000 hektar dengan 10,000 hektar daripadanya melibatkan daerah Seberang Perai Utara (SPU), musnah dan beribu-ribu penduduk terpaksa dipindahkan.

Abdul Jalil berkata, lebih 60,000 penduduk di 30 kampung di Penanti turut menunggu projek itu siap kerana mereka tidak lagi bimbang jika hujan lebat berlaku di kawasan mereka atau di kawasan Kulim, Kedah.

Beliau berkata, bagi melaksanakan projek itu, hanya 270 keluarga di 10 kawasan dipindahkan dan projek berkenaan bakal memberi manfaat kepada pengusaha pertanian kerana lebih 300 kilometer persegi dari kawasan terlibat merupakan kawasan pertanian.

Abdul Jalil yang meninjau projek itu, baru-baru ini diberi taklimat mengenai perkembangan projek berkenaan oleh pengarah eksekutif teknikal Redmax Sdn Bhd, Mohamad Zaki Abdullah.

Redmax dan Kumpulan Perhubungan JV ialah kontraktor pemaju keseluruhan projek berharga kira-kira RM280 juta itu yang dilaksanakan menerusi kaedah reka dan bina, manakala Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri ber-



LEBIH 60,000 penduduk di 30 kampung di Penanti, Seberang Perai, tidak bimbang lagi jika hujan lebat apabila kerja-kerja membaikpulih aliran sungai siap.

tindak sebagai pemantau perkembangan projek itu.

Pakej 1 projek ini melibatkan proses pelebaran, pendalaman, pembinaan ban dan jambatan di Sungai Maklom sepanjang 2.2 kilometer dan Sungai Pertama sepanjang 3.9 kilometer manakala Pakej 2 yang bermula dari sempadan Kedah-Pulau Pinang dan berakhir di muara Sungai Perai, melibatkan empat sungai besar iaitu Sungai Perai sepanjang 7.3 km, Sungai Kereh (2 km), Sungai Jarak (10.4 km) dan Sungai Kulim (10.3 km).

Abdul Jalil berkata, pembinaan jambatan sederhana antara Kampung Terus dan Sungai Dua, turut memberi kemudahan kepada penduduk di kedua-dua kawasan itu kerana jarak perjalanan yang semakin dekat.

Selain itu, katanya pelebaran dan pembersihan Sungai Perai turut membantu meningkatkan taraf hidup penduduk di sekitar kawasan tersebut yang bergantung kepada aktiviti menangkap ikan dan udang galah.

Sementara itu, Mohamad Zaki berkata, Pakej 2 melibatkan kos pembinaan berjumlah RM121 juta dan kos pengambilan balik tanah serta pampasan bernilai RM54 juta.

Katanya, projek itu bermula sejak 7 Oktober 2004 dan dijangka siap pada 6 Oktober 2007 yang meliputi kerja-kerja membaik pulih aliran sungai dengan melebar, mendalam dan penjajaran semula rangkaian sungai, membina ban baru, membina paip pembedungan baru, menaik taraf



BANJIR besar tiga tahun lalu mengakibatkan penduduk di Seberang Perai mengalami kerugian teruk.

paip pembedungan sedia ada serta membina jambatan.

"Sungai-sungai sedia ada berkeluasan antara 20 meter dan 55 meter dan pelebaran yang dicadangkan ialah antara 60 meter dan 100 meter dan kami juga membina ban trafik dan ban hidraulik di kedua-dua belah sungai untuk

menambah aliran sungai," katanya.

Beliau berkata, pintu kawalan pasang surut Sungai Perai akan dinaik taraf selain pembinaan pintasan sungai sepanjang 1 kilometer di Sungai Perai bagi mempercepatkan aliran sungai yang terdedah kepada air pasang surut.

Katanya, sehingga ini, kemajuan kerja-kerja fizikal projek itu menjangkau 33.24 peratus, mendahului sasaran ditetapkan sebanyak 23.95 peratus.

Beliau juga berkata, apabila projek itu siap, tahap dan kekerapan banjir yang serius di lembangan Sungai Perai dapat dikurangkan. - Bernama